

KHAIRAT KEMATIAN MASJID AL-MAKMURIAH KAYU ARA DAMANSARA TERMA & SYARAT

1. Kepada ahli Khariah yang ingin menjadi ahli, hendaklah mengisi Borang Pendaftaran dengan menyertakan bersama Wang Sumbangan tabung khairat tahunan sebanyak **RM70.00** (*Tujuh Puluh Ringgit*) semasa menyerahkan Borang Pendaftaran.
2. Untuk menyambung keahlian, sumbangan tahunan Tabung Khairat adalah sebanyak **RM70** (*Tujuh Puluh Ringgit*) hendaklah dijelaskan pada atau sebelum **31 Disember** tahun sebelumnya.
3. Semua bayaran hendaklah di buat melalui bendahari Masjid Al-Makmuriah Atau secara atas talian di **No Account Masjid (BANK RAKYAT : 1100474146)**. Resit rasmi akan dikeluarkan bagi setiap bayaran yang diterima.
4. Adalah menjadi tanggungjawab ahli untuk membayar Yuran Tahunan sebelum berakhir **Bulan Disember** setiap tahun.
5. Keahlian akan **TERBATAL** sekiranya sumbangan tahunan masih tidak diterima pada tarikh **31 Disember** tahun semasa.
6. Keahlian **TIDAK BOLEH** dipindah milik **KECUALI** ahli yang mendaftar meninggal dan diambil alih oleh waris sebagai ketua keluarga.
7. Sumbangan tahunan boleh dibayar ke hadapan dalam jangka masa panjang atas kehendak ahli.
8. Sekiranya berlaku kematian serentak lebih dari satu dalam satu keluarga (**Lebih dari 1 orang**) yang berdaftar, Kematian yang pertama akan menerima sumbangan penuh manakala kematian kedua dan seterusnya akan menerima sumbangan kewangan yang akan ditentukan oleh AJK Khairat kematian & kebajikan Am. Cadangan maksimum RM 5,000 akan dikeluarkan bagi kematian serentak atau jumlah yang difikirkan sesuai dengan tahap kewangan khairat kematian.
9. Sekiranya berlaku kematian luar dari daerah atau kariah , dan waris ingin mengurus dan mengebumikan di luar kariah, masjid akan memberi wang sagu hati kepada waris mengikut kos pengurusan ditempat berkenaan dan terhad kepada kos pengurusan Masjid Al-Makmuriah.
10. Ahli yang berpindah ke luar dari kariah Masjid perlu memaklumkan pada badan khairat kematian, dan akan hilang kelayakan untuk menyambung keahlian pada tahun berikutnya.
11. Pembayaran Wang Tabung Khairat akan dikeluarkan secepat mungkin (1 hari) oleh Bendahari Masjid Al-Makmuriah apabila dimaklumkan berlakunya kematian.
12. Waris yang ingin menuntut sumbangan khairat perlu memberi Salinan kad pengenalan dan kad OKU bagi yang OKU, pemohon dan salinan surat kematian adalah diperlukan.